

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 24 April 2017**

**SOALAN**

Senator Datuk Yoo Wei How minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah ia satu kemestian bagi pemohon kad OKU hadir sendiri ke pejabat JKM yang mana tiada kenderaan atau tidak dapat berjalan serta apakah langkah proaktif dalam membantu golongan tersebut.

## **JAWAPAN**

Permohonan Pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU) dilaksanakan menurut Seksyen 22(1) Akta Orang Kurang Upaya 2008. Garis Panduan Pendaftaran OKU menetapkan bahawa pendaftaran OKU adalah secara sukarela dan hanya untuk warganegara Malaysia yang bermastautin di Malaysia. Agensi yang terlibat dalam pendaftaran OKU adalah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Kementerian Kesihatan Malaysia. Objektif pendaftaran OKU adalah untuk: i. Mengetahui bilangan, taburan dan kategori OKU di negara ini bagi maksud merancang program dan perkhidmatan berkaitan dengan pencegahan, pendidikan, habilitasi dan rehabilitasi serta latihan; ii. Merancang penyediaan kemudahan yang bersesuaian dengan keperluan OKU; iii. Membolehkan OKU yang berdaftar mendapat perkhidmatan yang bersesuaian dengan keperluan berdasarkan tahap kefungsiannya atau ketidakupayaannya mereka. Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa menggalakkan OKU untuk berdaftar setelah mendapat mengesahkan pegawai atau pengamal perubatan. Bagi OKU yang jelas ketidakupayaannya, Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah boleh mengesahkan permohonan seseorang OKU. Permohonan pendaftaran OKU boleh dikemukakan sendiri oleh OKU atau wakilnya di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah yang berhampiran. OKU yang mengemukakan sendiri Borang Permohonan Pendaftaran, gambarnya akan diambil oleh Pegawai Kebajikan menggunakan peralatan di pejabat. Manakala, wakil yang mengemukakan Borang Permohonan Pendaftaran OKU perlu membawa bersama gambar OKU. Pemohon yang boleh urus diri biasanya akan hadir sendiri untuk mengemukakan permohonan, manakala bagi OKU yang tidak boleh urus diri atau tiada kenderaan, pegawai JKM akan ke rumah dengan membawa segala peralatan untuk menerima permohonan pendaftaran di rumah OKU berkenaan. Antara langkah-langkah proaktif bagi membantu golongan kurang berkemampuan untuk mendaftar sebagai OKU adalah seperti: i. Mengadakan Task Force bagi pendaftaran OKU; ii. Program turun padang yang melibatkan agensi-agensi utama seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM); dan iii. Membuat promosi dalam media massa tentang kepentingan dan keistimewaan mendaftar sebagai OKU. iv. Mengenalpasti OKU yang belum berdaftar semasa program homehelp anjuran JKM.

